

**Struktur Hutang Malaysia Kukuh, Kata Moody's  
Bernama  
31 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 31 Mac (Bernama) -- Penyedia kajian dan penarafan kredit sekuriti dan instrumen hutang , Moody's Investors Service, melihat struktur hutang Malaysia sebagai 'kuat' sambil menyatakan kedudukan luar negara juga kukuh serta simpanan domestik yang besar yang mengehendkan pendedahan negara kepada kejutan kewangan luar.

Moody's berkata pendedahan negara kepada pengaliran keluar masuk pelaburan secara mendadak, mampu diserap oleh kedudukan mudah tunai dalam negara berdasarkan jumlah simpanan domestik yang besar, mencapai 34 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Malah Malaysia mengalami pengaliran keluar bersih pelaburan pada 2013, namun hanya mengalami kesan kecil ke atas pembiayaan domestik," katanya dalam laporan bertajuk "Pemantauan Moody's-Fokus terhadap Asean" Isnin.

"Malaysia mengumpul rizab tukaran asing yang besar untuk sandaran sejak berdekad lepas berjumlah AS\$130.6 bilion (kira-kira RM427.38 bilion) pada Februari 2014, yang menyaksikan Petanda Ancaman Luaran merosot kepada sekitar 50 peratus, jauh lebih rendah daripada 100 peratus pada hujung 1998," katanya.

Moody's berkata berikutan Sekuriti Kerajaan Malaysia dipegang oleh orang asing meningkat kepada 42.8 peratus pada hujung September tahun lalu daripada 13.5 peratus pada hujung 2008, kerajaan mengubah gabungan pembiayaannya lebih kepada pinjaman patuh syariah atau dikenali sebagai Terbitan Pelaburan Kerajaan (IPK) .

Ia berkata bukan penduduk hanya memegang 1.6 peratus daripada IPK itu dan hanya 25.5 peratus daripada saham hutang berasaskan mata wang tempatan.

Moody's selanjutnya berkata defisit kewangan Malaysia terus berkembang lebih daripada penarafan A negara saingannya, manakala beban hutang pada paras 54.8 peratus daripada KDNK.

Ia berkata pergantungan hasil kerajaan kepada jualan minyak dan gas menyebabkan Malaysia terdedah kepada perubahan dalam permintaan tenaga pasaran membangun dan harga komoditi.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1026500>